

02 JUL 2002
FORUM-PANGKOR/I
CEO BERKUMPUL DI PANGKOR LAUT 6-8 SEPT

KUALA LUMPUR, 2 Julai (Bernama) -- Seramai kira-kira 200 orang ketua pegawai eksekutif (CEO) terpilih dari seluruh dunia akan berkumpul untuk bermesyuarat ala Camp David di Pangkor Laut Resort pada 6 hingga 8 Sept, 2002.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dijangka akan menjadi tetamu kehormat acara yang akan dihadiri oleh pemimpin-pemimpin korporat dua dari semua lapisan masyarakat perniagaan itu.

Pertemuan bertema "Forum Kepimpinan Global Asia: Pangkor Laut", itu akan menjadi wadah bagi 180-200 CEO itu untuk bertemu dan bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu politik dan perniagaan.

Tan Sri Francis Yeoh, pengarah urusan YTL Corporation Bhd, berkata, tumpuan khusus akan diberikan kepada usaha mencapai kata sepakat untuk mencari penyelesaian bagi mengembalikan keamanan dan kemakmuran di dunia.

Beliau berkata demikian pada majlis taklimat media yang diadakan di sini, hari ini.

Satu upacara menandatangani perjanjian antara penganjur-penganjur forum tersebut juga telah diadakan di tempat yang sama hari ini, menjadikannya satu acara rasmi.

Francis; Mirzan Mahathir, presiden Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI); William Adamopoulos naib presiden/pengarah urusan Asia Forbes Inc.; Mark Froude, naib presiden jualan dan pemasaran antarabangsa CNBC Asia Pasifik adalah mereka yang menandatangani perjanjian itu.

Forum yang julung kali diadakan ini dianjurkan oleh ASLI, YTL Corporation, Forbes Magazine dan CNBC Asia Pasifik.

Antara tajuk-tajuk yang akan dibincang dan dibahaskan untuk dijadikan resolusi termasuklah Tinjauan Ekonomi dan Cabaran yang Mendepani Ekonomi Global, Kesan Teknologi ke atas Dunia Yang lebih Baik dan Selamat, serta Manfaat daripada Dunia yang Lebih Selamat dalam perkhidmatan perbankan dan kewangan.

Maestro Luciano Pavarotti juga akan turut hadir untuk membuat persembahan pada forum itu. -- BERNAMA

MFZ SD KY JR